

08/07/1998

MFC awasi pelaksanaan, perkembangan MSC

Hizral Tazzif Hisham; Ahmad Ghazali Musa; Wan Sabariah Shikh Ali
KERAJAAN membentuk Majlis Pengasas MSC (MFC) bagi memberi maklum balas secara berterusan berkaitan aspek operasi Koridor Raya Multimedia (MSC) di samping menyediakan cadangan dan nasihat jitu mengenai aspek bagaimana pelaksanaannya dapat dipertingkatkan.

MFC yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dianggotai 20 syarikat berstatus MSC itu akan bertanggungjawab bagi:

- * menasihati MDC mengenai strategi dan operasi serta menyediakan maklum balas mengenai keupayaan MSC;

- * memberi cadangan bagaimana Bill of Guarantees boleh dilaksana secara lebih berkesan;

- * memberi cadangan bagaimana prasarana telekomunikasi dapat dipertingkatkan;

- * memberi cadangan bagaimana kemudahan perkhidmatan MDC dan agensi berkaitan dapat dipertingkatkan;

- * mengutarakan pendapat syarikat MSC bagi mempertingkatkan persekitaran MSC;

- * memberikan komitmen bagaimana warga MSC menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Syarikat yang menjadi ahli pertama MFC ialah Telekom Malaysia Bhd, Sun Microsystems Malaysia Sdn Bhd, Mimos Bhd, NTT MSC Sdn Bhd, VMS Technology Sdn Bhd, Oracle System Malaysia Sdn Bhd, Object Power Technology Sdn Bhd. Software International Sdn Bhd, BT Multimedia Sdn Bhd, World View Multimedia Education Sdn Bhd, NIIT (M) Sdn Bhd, ANSI Laboratories Sdn Bhd, Datek Sdn Bhd.

Selain itu, Optidigit Sdn Bhd, Fujitsu Telecommunications Asia Sdn Bhd, International Business Systems (IBS) APCC Sdn Bhd, Lucent Technologies (M) Sdn Bhd, Image FX Ninety Nine (M) Sdn Bhd, AIC Microelectronic Sdn Bhd dan Asia Pacific Services Sdn Bhd.

Keanggotaan 20 syarikat dalam MFC dibuat secara bergilir setiap tahun melalui proses pemilihan oleh Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) serta akan bermesyuarat empat kali setahun untuk membincangkan pelbagai perkara berbangkit.

Keanggotaan MFC merangkumi syarikat tempatan, syarikat kecil dan sederhana (IKS) dan syarikat antarabangsa.

Selain MFC, tiga lagi organisasi sudah dibentuk, antaranya ialah Majlis Pelaksanaan MSC dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; MDC dan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Dalam mesyuarat pertama yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan untuk menggunakan sepenuhnya Tabung Pembangunan Prasarana bernilai RM5 bilion bagi memastikan semua kemudahan asas bagi projek MSC dapat disiapkan mengikut jadual.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu untuk memastikan pembangunan Cyberjaya tidak tergendala akibat masalah ekonomi dan kemajuannya tidak terjejas.

"Walaupun kita menghadapi masalah ekonomi, kita sudah pastikan projek MSC sebagai program keutamaan. Saya sudah umumkan Tabung Pembangunan Prasarana yang akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk memastikan semua kemudahan asas pembangunan MDC dan MSC berjalan mengikut jadual dan tidak tergendala," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, aspek lain yang turut mendapat

perhatian pada mesyuarat itu ialah program latihan dan pendidikan bagi memastikan tenaga kerja dan kepakaran dalam IT dapat dipertingkatkan.

Sehingga kini terdapat lima universiti sama ada yang sudah beroperasi atau dalam pembinaan di Cyberjaya iaitu Universiti Multimedia (MU), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga (Uniten), Universiti Maya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kita akan mencadangkan supaya jumlah kemasukan pelajar ke universiti ini ditambah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dan tenaga pakar di MSC," katanya.

Sebanyak 10 syarikat sudah memulakan operasi di Cyberjaya, manakala 40 lagi dalam proses untuk beroperasi di koridor berkenaan.

"Ini menunjukkan kesungguhan dan minat yang menggalakkan daripada syarikat IT dan multimedia tempatan serta antarabangsa untuk menyertai pembangunan di MSC," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa puas hati peranan yang dilaksanakan MDC, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memasar dan menyelia keseluruhan aktiviti syarikat di MSC.

"MDC kini beroperasi di Cyberjaya setahun lebih awal daripada jangkaan. Sekarang MDC mengusulkan syarikat multimedia dan IT menyertai segera kegiatan di MSC menerusi inkubator khas, sementara menunggu kelulusan memperolehi status MSC."

"Syarikat terbabit boleh berfungsi dalam tempoh dua tahun sebelum disahkan kedudukan mereka sama ada termasuk dalam kategori yang mendapat manfaat MSC atau sebaliknya," tambah beliau.

(END)